

## Persediaan menempuh alam pekerjaan sebenar

### Program Pemantapan Bahasa bantu lahir graduan berkualiti

SH 20/10/09 m/s T4

KUALA TERENGGANU – Universiti Malaysia Terengganu (UMT) akan mengadakan Program Pemantapan Bahasa Inggeris dalam kalangan penuntut baru sebagai usaha melahirkan lebih ramai graduan berkualiti.

Naib Canselor UMT, Profesor Dr Aziz Deraman berkata, golongan graduan perlu dilengkapi dengan penguasaan bahasa Inggeris yang mantap bagi memastikan mereka dapat bersaing, selain memenuhi kehendak industri.

“Jika mahu menjadi mahasiswa berkualiti, penuntut perlu menguasai banyak bahasa terutama bahasa Inggeris.

“Bonus buat mereka jika mampu menguasai dan berkomunikasi dalam bahasa antarabangsa ini dengan baik serta lancar,” katanya.

Menurut Aziz, pihak UMT juga akan menjadikan



● AZIZ DERAMAN

Program Pelajar Cemerlang sebagai usaha melahirkan graduan serba boleh dan mempunyai sifat kepimpinan yang tinggi.

“UMT akan memastikan semua penuntut menjalani latihan industri secukupnya sebelum menamatkan pengajian bagi memastikan mereka memperoleh pengalaman dan bersedia menempuh alam pekerjaan sebenar,” katanya.